

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	GAMBAR: Pelancaran Metaltech	New Straits Times
2	Sedia hadapi El Nino	Berita Harian
3	Cuaca diramal baik di Teluk Intan hari ini	Utusan Malaysia
4	Empat gempa bumi tidak memberi kesan kepada negara	Bernamea.com
5	PRK Teluk Intan: Jabatan Meteorologi ramal hujan pada sebelah petang	Bernamea.com
6	PRK Teluk Intan: 35 pusat pengundian dibuka 8 pagi ini	Bernamea.com
7	MBC sedia bantu Jakim	Utusan Malaysia
8	Denda RM1 juta peniaga jual makanan disahkan haram	Utusan Malaysia
9	Keputusan analisis coklat Jabatan Kimia diketahui rabu	Bernamea.com
10	Hasan Malek minta peniaga henti penjualan dua produk Cadbury sehingga rabu	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR  
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS TIMES) : MUKA SURAT B16  
TARIKH: 31MEI 2014 (SABTU)



**INNOVATION:** Sirim Bhd vice-president of Research and Technology Innovation Division **Dr Mohamad Jamil Sulaiman** (left) and deputy secretary-general of Science, Technology and Innovation Ministry **Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya** watching a demonstration of the Sirim-developed multi-orientation precision micro-grinding machine in Kuala Lumpur, recently.

# Sedia hadapi El Nino

» *MetMalaysia*  
jangka musim  
kemarau bermula  
bulan depan

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**ebarangkalian fenomena El Nino yang mengakibatkan peningkatan suhu dan kemarau panjang, melanda rantau Asia Tenggara mulai bulan depan kekal pada tahap 70 peratus.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail, berkata fenomena pemanasan suhu permukaan laut sehingga menyebabkan berlaku musim kering yang teruk dijangka berlaku mulai bulan depan hingga Ogos.

"Kita sudah bersedia menghadapi El Nino berikutan kebarangkalian untuk berlakunya fenomena itu kekal pada tahap 70 peratus," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Pada 23 Mei lalu, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dilaporkan berkata, jawatankuasa peringkat kebangsaan untuk menghadapi El Nino sudah ditubuhkan, yang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Jawatankuasa yang dianggotai 10 menteri serta wakil kerajaan negeri akan mencari langkah berkesan menangani kesan El Nino.

## Ramalan landa Asia Tenggara

Sebelum ini, Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom meramalkan fenomena cuaca itu akan melanda rantau Asia Tenggara, pertengahan tahun ini. Pakar menekankan negara ini boleh dilanda kemarau selama enam bulan jika El Nino benar-benar melanda. El Nino secara purata berlaku antara dua atau empat tahun sekali meliputi kawasan timur Lautan Pasifik.

Mengenai persiapan menghadapi El Nino, Che Gayah berkata, MetMalaysia akan meneruskan pembenihan awan yang bergantung pada keadaan atmosfera iaitu pembentukan awan yang sesuai.

Beliau, pihaknya juga melakukan pemantauan cuaca berterusan, termasuk menerusi kerjasama Pertu-

buhan Meteorologi Sedunia (WMO) dan maklumat itu disalurkan kepada agensi berkaitan, termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Sama ada fenomena El Nino berlaku atau sebaliknya, kita perlu bersedia menghadapinya. Ini kerana tempoh antara bulan Jun hingga September adalah musim kering di negara ini. Lagipun jumlah air di beberapa empangan belum mencapai 50 peratus," katanya.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piarapakaran, berkata pihaknya bimbang taburan hujan yang rendah pada monsun peralihan antara April hingga Mei adalah petunjuk berlakunya fenomena itu di negara ini.

Katanya, kebiasaannya taburan hujan pada musim itu adalah tinggi, sekali gus dikhuatiri mengganggu Monsun Barat Daya yang berlaku pada Jun hingga September.

"Jangkaan berlakunya fenomena El Nino di negara ini bergantung pada cuaca tempatan. Satu lagi monsun peralihan adalah pada September hingga Oktober, disusuli Monsun Timur Laut pada November hingga Mac yang biasanya menyebabkan banjir di pantai timur," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 04**  
**TARIKH: 31 MEI 2014 (SABTU)**

**Cuaca diramal  
baik di Teluk  
Intan hari ini**

TELUK INTAN 30 Mei  
- Jabatan Meteorologi  
Malaysia meramalkan  
cuaca baik pada sebelah  
pagi di Teluk Intan, esok.

Bagaimanapun, laman  
web rasmi jabatan itu  
memberitahu, cuaca  
sebelah petang diramal  
berlaku hujan sementara.

“Pada sebelah malam  
pula diramal tiada hujan.  
Suhu di Teluk Intan pula  
esok diramalkan antara  
24 dan 33 darjah celsius,”  
kata laporan laman web  
tersebut hari ini.

Esok, Pilihan Raya  
Kecil (PRK) Parlimen  
Teluk Intan menyaksikan  
pertandingan satu lawan  
satu antara calon Barisan  
Nasional (BN) Datuk Mah  
Siew Keong dan calon  
DAP, Dyana Sofya Mohd.  
Daud.

Seramai 59,927  
pengundi biasa akan  
menunaikan hak mereka  
di 35 pusat pengundian  
membabitkan 120 saluran  
yang dibuka mulai pukul 8  
pagi hingga 5 petang.

Mengikut Daftar  
Pemilih Parlimen Teluk  
Intan yang dikemaskini  
sehingga 1 Mei lalu,  
seramai 60,349 pengundi  
termasuk 410 pengundi  
awal dan 12 pengundi  
tidak hadir luar negara  
layak mengundi.



## Empat Gempa Bumi Jumaat Tidak Memberi Kesan Kepada Negara

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang dengan kejadian empat gempa bumi yang dilaporkan semalam, kata [Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail](#).

Katanya, kesemua gempa yang direkod semalam dan dilaporkan oleh jabatan itu tidak akan memberi kesan kepada negara kerana pergerakan gempa yang direkod, berada jauh dari Malaysia.

"Rekod gempa bumi yang kami terima memang banyak berlaku di seluruh dunia, ia bukan suatu yang luar biasa, dan gempa bumi yang direkodkan semalam adalah terlalu jauh dari Malaysia, oleh itu rakyat Malaysia tidak perlu bimbang," katanya kepada Bernama di sini Sabtu.

Pada Jumaat Jabatan Meteorologi melaporkan empat gempa sederhana direkodkan di empat kawasan berlainan dan kesemua gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

Gempa yang pertama berlaku di di Flores Region, Indonesia pada pukul 8.56 pagi berukuran 5.2 skala Richter, disusuli sempadan Myanmar-China pada 9.20 pagi (5.6 skala Richter), manakala Volcano Islands, Japan Region pada pukul 7.38 malam (5.0 skala Richter) dan Mindanao, Filipina pada 11.26 malam (5.3 skala Richter).

Che Gayah, dalam pada itu berkata, pihaknya akan terus memantau pergerakan gempa bumi dari semasa ke semasa.

-- BERNAMA

